



## KENYATAAN MEDIA KONTINJEN WIPERS MELAUNGKAN AMARAN UNTUK MENAKLUK SUKMA MENJELANG DETIK 100 HARI SUKMA

---

PUTRAJAYA, 9 Jun 2022: Dengan berbaki kurang 100 hari sahaja lagi, kontinjen Wilayah Persekutuan (WiPers) melaungkan amaran untuk merebut kejuaraan pada Sukan Malaysia XX MSN 2022 nanti.

Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr Shahidan Kassim berkata dalam tempoh lebih kurang tiga bulan ini lagi, kontinjen WiPers pada masa ini sudah pun bersedia daripada segi fizikal dan mental untuk berdepan dengan SUKMA yang sudah empat tahun tidak diadakan.

"Buat masa ini kami masih belum boleh meletakkan bilangan sasaran pingat yang sebenar memandangkan ada beberapa perkara termasuklah jumlah acara yang dipertandingkan masih belum diputuskan tuan rumah.

"Namun apa yang boleh saya katakan ialah kita sudah pun membuat pelbagai jenis perancangan program dan boleh dikatakan buat masa ini sudah pun 60 peratus bersedia untuk memberikan tentangan," katanya.

Shahidan berkata atlet WiPers sudah menamatkan Fasa 1 (23-29 Mei 2022) dan Fasa 2 (3-9 Jun 2022) Kem Latihan Atlet SUKMA Wilayah Persekutuan (KLAS) 2022 sementara berbaki enam jenis sukan bakal menyertai Fasa 3 KLAS yang bakal berlangsung pada 13-19 Jun 2022 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"KLAS 2022 yang diadakan ini adalah penting bagi kami memupuk minda juara di kalangan atlet WiPers. Memandangkan Wilayah Persekutuan itu sendiri adalah unik dengan gabungan daripada tiga Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, kem seperti ini adalah cara terbaik kami mengumpulkan atlet-atlet kami di satu tempat.

"Selain daripada minda juara, saya mahukan semangat sepasukan dan disiplin yang tinggi di kalangan atlet WiPers dalam memastikan kejayaan berpihak pada kami di SUKMA nanti," katanya.

KLAS 2022 diadakan secara berfasa bagi memberikan peluang kepada semua 33 jenis sukan dalam kontinjen WiPers yang bertanding pada SUKMA kali ini untuk memilih tarikh yang bersesuaian dengan program masing-masing.

Pengisian kem yang dianjurkan bagi persiapan menghadiri SUKMA kali ini ialah dengan memberikan elemen tumpuan kepada latihan intensif, simulasi sukan dan ujian kecergasan disamping pelbagai program pengukuhan seperti Team Building, Persediaan Fizikal Atlet, Pemakanan Sukan serta Perubatan Sukan.

Sebelum ini, Shahidan turut mengumumkan insentif yang akan diterima atlet WiPers pada SUKMA kali ini iaitu:

Pingat	Kategori Atlet	
	Individu	Berpasukan
Emas	RM5,000	RM3,000-RM4,000
Perak	RM2,000	RM1,000-1,500
Gangsa	RM1,000	RM500-RM700

"Kami menjadi kontinjen negeri pertama yang mengumumkan insentif kepada atlet pada SUKMA nanti kerana saya mahu atlet kami bersedia lebih awal dengan penetapan sasaran yang jelas bagi memenuhi matlamat utama muncul juara," katanya.

Untuk makluman, kontinjen WiPers menduduki tempat kedua keseluruhan pungutan pingat pada SUKMA ke-19 di Perak pada tahun 2018 dengan meraih 52 pingat emas, 38 perak dan 49 gangsa.

tamat